

**SOALAN LAZIM BERKAITAN SURAT EDARAN BENDAHARI PADA 30 MAC 2020
SURAT POTONGAN GAJI BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN DAN
PEMBIAYAAN BANK BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1. Apakah Kod Potongan Gaji yang terlibat?

Senarai Kod Potongan Gaji adalah seperti berikut:

D016 - Bayaran Balik Pinjaman PTPTN

D032- Pakej Pembiayaan Bank Muamalat Malaysia Berhad

D035- Pakej Pembiayaan Bank Islam Malaysia Berhad

D045 - Pakej Pembiayaan Bank Islam Malaysia Berhad(Perumahan)

D048 - Pembiayaan Peribadi Public Bank Berhad (Peribadi)

2. Adakah potongan gaji melalui ANGKASA juga terlibat?

Pembiayaan peribadi melalui Bank Rakyat/Agrobank/BSN/MBSB melalui D10-ANGKASA adalah berdasarkan Penyata Potongan yang dikemaskini oleh ANGKASA. Sehingga hari ini, semua potongan gaji melibatkan pembiayaan di atas telah dikemaskini oleh pihak ANGKASA. Sekiranya masih berlaku potongan gaji, staf hendaklah menghubungi bank dan memohon dikreditkan ke akaun masing-masing.

3. Potongan gaji bulan Mac adalah untuk bayaran pembiayaan bulan April. Bolehkah saya memohon bayaran balik?

Penangguhan potongan gaji mulai April 2020. Potongan Gaji bagi Bayaran Balik PTPTN dan Pembiayaan Bank bagi bulan Mac 2020 diuruskan seperti biasa dan bayaran telah dikemukakan kepada semua bank terlibat. Staf boleh menghubungi sendiri pihak bank dan memohon bayaran dikreditkan ke akaun masing-masing.